



TAJUDDIN ABDUL RAHMAN (tengah) beramah mesra dengan ahli Koperasi Sahabat Karya Berhad selepas perasmian mesyuarat koperasi berkenaan dan majlis berbuka puasa di Kuala Lumpur, kelmarin.

Usahawan bumiputera perlu hadapi ekonomi makin mencabar

Keluar kepompong zon selamat - Tajuddin

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 27 JUN**

USAHAWAN bumiputera dalam pelbagai sektor dan peringkat harus keluar dari kepompong zon selamat masing-masing dan melangkah di luar kotak bagi menghadapi persaingan ekonomi dalam dan luar negara yang semakin mencabar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, perkara itu penting untuk memastikan pengagihan hasil ekonomi negara terhadap orang Melayu dan bumiputera tidak terjejas.

“Saya sedih melihat negara kita

yang kaya dengan hasil ini tetapi orang lain termasuk pelabur asing dan pendatang tanpa izin yang mendapat manfaat serta kelebihan kerana kebanyakan kita hanya terlibat di peringkat bawahan.

“Jangan menghadkan bidang keusahawanan bumiputera hanya dalam industri kecil dan sederhana tetapi lihat juga dalam perniagaan-perniagaan besar melibatkan nilai jutaan ringgit yang boleh diceburi,” katanya kepada pemberita selepas perasmian Mesyuarat Agung Koperasi Sahabat Karya Berhad yang pertama, di sini semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Koperasi Sahabat Karya Berhad, Datuk Mior Kamarul Shahid.

Tambah Tajuddin, syarikat milik kerajaan (GLC) serta agensi-agensi

kerajaan perlu membantu dan mendokong hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memperkasakan ekonomi orang Melayu dan bumiputera.

“Pengagihan hasil ekonomi kepada orang Melayu kini masih lemah dan kepemimpinan harus lebih fokus dalam melaksanakan agenda perjuangan Melayu dalam semua aspek khususnya dalam aspek ekonomi.

“Kini pembangunan negara menjadi agenda utama kepemimpinan negara dan bukan lagi agenda pemerksaan ekonomi bumiputera. Dasar membantu ekonomi orang Melayu yang lemah ini menjadi sebab mengapa kita kini bergelut di tanah sendiri untuk mendapat tempat,” katanya.